

22/08/2000

Usah lagi politikkan pelantikan MB

Muhd Adnan Bahari

SHAH ALAM, Isnin - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib meminta semua pihak tidak lagi mempolitikkan pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Panjang, Dr Mohamad Khir Toyo sebagai Menteri Besar ke-13.

Beliau berkata, semua pihak mesti akur dan menghormati pemilihan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti, adalah muktamad.

Katanya, pemilihan itu sudah tentu mengambil kira banyak faktor, seperti latar belakang agama, cepat belajar, berpendidikan tinggi, diterima semua pihak dan dapat menarik golongan muda menyertai Umno.

Beliau berkata, hampir 60 peratus pengundi di Selangor adalah golongan muda yang perlu didekati oleh orang muda yang mempunyai karismanya sendiri seperti Dr Mohamad Khir.

"Saya yakin, berdasarkan perbincangan Perdana Menteri sebelum ini, pemilihan Dr Mohamad Khir bukan sahaja untuk menarik golongan muda menyertai Umno, tetapi lebih penting ialah keadilan dalam menangani permasalahan secara musyawarah dalam Umno atau pentadbiran.

"Kita akan memastikan semua pihak memberikan sokongan penuh kepada beliau. Selaku Pengerusi Perhubungan Umno negeri, saya sedia membimbingnya untuk memantapkan lagi pentadbiran kerajaan negeri," katanya di kediamannya di Subang di sini, malam tadi.

Muhammad yang juga Naib Presiden Umno berkata, Dr Mohamad Khir harus diberi peluang mentadbir Selangor tanpa gangguan dan meneruskan kesinambungan kepemimpinan bekas Menteri Besar terdahulu, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Katanya, Badan Perhubungan Umno negeri akan memanggil satu mesyuarat khas pada 25 Ogos ini bagi membincangkan bagaimana untuk menangani Pas dan merancang strategi menawan semula kerusi yang dimenangi pembangkang dalam pilihan raya lalu.

"Saya minta semua ketua bahagian menggerakkan jentera masing-masing dengan memperbanyakkan majlis penerangan dan merangka strategi terbaik untuk menarik semula golongan muda ke dalam Umno mulai sekarang.

(END)